


Profesor Zulkifli Muhammad pernah menyatakan, ajaran agama itu menjadi salah apabila umat Islam hanya diajar untuk memburu syurga dan menjauhi diri dari fitnah dunia.

MOHD FADHLI GHANI DALAM PENULISANNYA



Penulisannya yang bertajuk Pemikiran Ekonomi Islam Menurut Zulkifli Muhammad menyatakan bahawa Prof. Zul sebenarnya telah melihat satu aspek penting berkaitan pemikiran umat Islam yang menjadi punca kemunduran umat. Di dalam tulisannya yang bertajuk Umat Islam Sekarang Makin Mundur.



Sifat memburu syurga dan meninggalkan dunia telah menjadikan umat ini kaku dan tidak bermaya, berpandangan sempit, membunuh kerajinan dan kesungguhan usaha, membunuh ikhtiar serta tinggal dalam kepura-puraan. Umat Islam menghadapi penyakit merasa cukup atau memadai dengan apa yang ada. Pemikiran dan sikap sebegini membawa kemunduran ekonomi kepada umat Islam pada hari ini. Tangapan yang salah ini apabila bercantum pula dengan kebijakan ekonomi penjajah menyebabkan umat Islam tidak dapat bangkit.

ULAMA PERLU BETULKAN PEMIKIRAN UMAT ISLAM

Bagi merungkai masalah ini Prof. Zul meletakkan tanggungjawab ini kepada para Ulama untuk membetulkan corak pemikiran umat Islam dengan memberikan panduan Islam yang sebenar.



PROF. ZUL SIFATKAN TINDAKAN INI SATU DOSA

Prof. Zul menyifatkan tindakan membiarkan umat Islam dalam keadaan mundur dan tidak memperbaiki kemajuan ekonomi sebagai satu dosa, kerana ia bercanggah dengan perintah Allah dan Rasul-Nya. Umat Islam hendaklah bersungguh-sungguh menguasai dan memajukan ekonomi kerana hampir seluruh kelemahan umat Islam hari ini adalah berpunca daripada kemundurannya.

ISLAM LEMAH KERANA PEMIKIRAN YANG SALAH



Inilah masalah terbesar umat Islam. Bukannya Islam lemah kerana dosa-dosa dan maksiat orang Islam. Tetapi kerana pemikiran yang salah yang ada pada orang-orang soleh. Meninggalkan ekonomi adalah kesalahan fatal umat Islam berdasarkan pandangan Profesor Zulkifli Muhammad.

PENGAJARAN



Islam lemah kerana pemikiran yang salah



Tinggalkan ekonomi adalah satu kesalahan umat Islam



Tanggungjawab Ulama betulkan pemikiran umat Islam

وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَ الَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ

“Dan janganlah engkau menurut hawa nafsu orang-orang yang tidak mengetahui (perkara yang benar).”

[al-Jathiyah(45):18]